

CNS0246

R GB 14-12 00145 BA996

bah

Mahathir - Anugerah
BAM MENANG ANUGEKRH KUALITI PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 14 Dis(Bername) -- Persatuan Badminton Malaysia (BAM) , yang berjaya membawapulang Piala Thomas ke pangkuan negara pada Mei lepas selepas penantian selama 25 tahun, hari ini diisytiharkan sebagai pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri .

Persatuan itu dipilih bagi kategori sektor, sosial untuk mencriama anugerah yang dianggap sebagai Anugerah Tertinggi Negara daripada kerajaan dalam usaha menganjurkan kecemerlangan dan kualiti.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menerima anugerah berkenaan bagi sektor awam manakala Matsushita Industrial Corporation Sdn Bhd pula memenangnya bagi sektor swasta.

Selain daripada trofi dan sijil penghargaan, pemenang se tiap kategori itu turut menerima hadiah wang sebanyak RM30,000.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu upacara meriah di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini. -- Lagi.

▼14/12/13-30MST

CNS0294

R GB 14-12 00142 BA003

bah

Mahathir - Anugerah 2 Kuala Lumpur

Pada majlis itu, hadirin menyaksikan tayangan video detik-detik bersejarah pada malam 17 Mei 1992 apabila Malaysia menjulang Piala Thomas, yang menjadi piala keagungan sukan badminton dunia.

Malaysia menewaskan Indonesia, musuh tradisi dalam sukan badminton, 3-2 untuk muncul juara selepas mengejutkan juara bertahan China dalam perlawanan separuh akhir .

Presiden BRM, Tan Sri Elyas Omar, yang mencriama anugerah berkenaan daripada Dr Mahathir, menyif atkan kemenangan itu sebagai +kemenangan semua rakyat Malaysia+.

+Ini bukan hanya kemenangan BAM... te tapi seluruh rakyat Malaysia . Saya berterima kasih kepada semua pemain, pegawai, penyokong dan rakyat yang membantu kami memcnangi piala ini,+ kata beliau.

Hadiah untuk MARDI disampaikan kepada Ketua Penyarah MARDI Tan Sri Dr .. Mohd Yusof Hashim manakala Pengarah Urusan Matsushita Industrial Corporation Yukio Shohtoku menerima anugerah bagi syarikat berkenaan. -- Lagi.

▼14/12/14-04MST

Mahathir - Anugerah 3 (akhir) Kuala Lumpur

Sebelum itu, Menteri Belia dan Sukan Senator Datuk Annuar Musa, yang ... juga Pengerusi Majlis Tertinggi Gerakan Budaya Kerja Cemerlang, menegur persatuan-persatuan sukarela dan sukan, yang menurut beliau, masih kurang aktif dan menunjukkan kualiti perkhidmatan yang rendah.

Sementara beliau memuji prestasi yang diperlihatkan oleh sektor awam dan sektor swasta, beliau berkata masih banyak yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan dalam kualiti perkhidmatan mereka.

Beliauturut membidas negara-negara maju yang masih enggan mengakui kemajuan Malaysia, sambil berkata kritikan mereka berpunca daripada rasa cemburu terhadap kejayaan Malaysia.

Annuar juga menyarankan supaya rakyat dan organisasi di Malaysia terus meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka dan menjadikan kecemerlangan sebagai budaya korporat mereka:

Anugerah Kualiti Perdana Menteri diadakan sejak 1990 dan ini merupakan kali pertama sebuah persatuan sukan dipilih bagi kategori sektor sosial. -- Bernama.

▼14/12/14-05MST